

## PROMOSI TAKAFUL CARUMAN TETAP RAYA 2024

Dikemas kini pada 18 Mac 2024

### TEMPOH PROMOSI

“Promosi Takaful Caruman Tetap Raya 2024” (“Promosi”) Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“HLISB” atau “Bank”) bermula pada 25 Mac 2024 dan berakhir pada 9 Mei 2024, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

### TERMA & SYARAT

Terma dan syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi ini (“T&S”).

### KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada peserta (“Pelanggan”) yang mendaftar untuk HLM Takaful Amanah Saver, HLM Takaful Legacy / Legacy Plus atau HLM Takaful Secure 3 / 3 Plus (“Pelan”), iaitu produk yang diunderait oleh Hong Leong MSIG Takaful (“HLMT”) di mana-mana cawangan HLISB atau Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) semasa Tempoh Promosi.
2. Untuk menyertai Promosi ini dan layak mendapat hadiah penyertaan, Pelanggan dikehendaki memenuhi syarat-syarat di bawah:
  - a) Pelanggan mendaftar sebarang Pelan yang dinyatakan dalam Klausa 1;
  - b) Pelanggan mesti mempunyai akaun semasa/-i atau akaun simpanan/-i yang aktif (“CASA/-i”)
  - c) Sumbangan untuk Pelan mestilah secara tahunan;
  - d) Jumlah minimum sumbangan tahunan adalah sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000); dan
  - e) Sijil takaful telah dikuatkuasakan oleh HLMT dan Pelanggan tidak melaksanakan hak tempoh bertenang. Butiran hak tempoh bertenang adalah seperti yang terkandung di dalam Helaian Pendedahan Produk dan/atau sijil Pelan.

### KAEDAH PROMOSI

3. Pelanggan Layak akan menerima Ringgit Malaysia Seratus Lima Puluh Ringgit (RM150) e-Duit Raya (“Ganjaran”) yang akan diberi berdasarkan siapa cepat dia dapat kepada 30 Pelanggan pertama yang telah berjaya mendaftar untuk mana-mana Pelan (“Pemenang”).
4. HLISB akan mengkreditkan Ganjaran ke dalam akaun semasa/-i atau akaun simpanan/-i Pemenang (“CASA/-i”) dibuka dan dikekalkan dengan HLB/HLISB dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh sijil bertukar menjadi pengeluaran berdasarkan senarai yang disediakan dan disahkan oleh HLMT.
5. Ganjaran tidak boleh ditukar dengan wang tunai pendahuluan, kredit, cek atau manfaat barangan.
6. **Pelanggan Layak** akan dihubungi oleh pihak Bank sama ada secara bertulis, panggilan telefon, perkhidmatan pesanan ringkas (“SMS”) atau mana-mana cara yang praktikal bagi Bank (“Notifikasi”) atas dasar usaha terbaik melalui nombor telefon atau alamat Pelanggan yang terkini yang terdapat dalam sistem Bank atau rekod HLMT.
7. Setelah menyertai promosi ini, Pelanggan tidak lagi layak untuk menyertai promosi lain yang ditawarkan oleh HLISB bagi produk yang sama, jika ada, sepanjang tempoh promosi ini berlangsung.

**AM**

8. Dengan menyertai Promosi, Pelanggan bersetuju:
- a) telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat dalam Promosi ini, terma dan syarat masing-masing Produk Takaful Layak dan mana-mana terma dan syarat lain yang berkaitan yang HLISB mungkin kenakan dari semasa ke semasa dengan notis awal dengan menyiarkan di laman web HLISB di [www.hlisb.com.my/promotion](http://www.hlisb.com.my/promotion) ("Laman Web HLISB");
  - b) bahawa keputusan HLISB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua Pelanggan.
  - c) diberi kuasa dan persetujuan untuk HLISB mendedahkan data peribadi mereka iaitu nombor hubungan kepada vendor pihak ketiga (ke-3) yang dilantik (iaitu vendor SMS) yang dilantik oleh HLISB untuk tujuan memaklumkan Pemenang mengenai pengkreditan ganjaran untuk Promosi ini dan;
  - d) bahawa keputusan HLISB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua Pelanggan.
9. HLISB berhak:
- a) untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&S yang terkandung di sini, mengikut budi bicara HLISB sama ada dengan cara memaparkan di laman sesawang HLISB atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLISB pada bila-bila masa dengan memberi notis terlebih dahulu;
  - b) untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak untuk menyertai Promosi atas sebab tidak mematuhi T&S dengan memberi notis terlebih dahulu.
10. T&S ini tertakluk pada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-Mahkamah Malaysia.
11. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

**PENAFIAN TAKAFUL**

Dokumen ini tidak bermaksud sebagai jemputan atau tawaran untuk melanggan Takaful mahupun permintaan oleh HLISB untuk melanggan Takaful kepada sesiapa sahaja. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami isi kandungan risalah/kontrak sijil produk sebelum bersetuju untuk melanggan.

**NOTA PENTING:**

**Pelan di atas diunderait oleh Hong Leong MSIG Takaful Berhad (HLMT). HLMT ialah Pengendali Takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.**

**Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk risalah TIPS PIDM atau hubungi HLMT atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my))**

**Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan dengan T&S, sila hubungi kami melalui e-mel di [hlonline@HLB.hongleong.com.my](mailto:hlonline@HLB.hongleong.com.my) atau telefon di talian 03-7626 8899.**